



HOSPITAL SUNGAI SIPUT LAPORAN TAHUNAN 2017



SPPA

Sistem Pemantauan Pengurusan Aset
Kerajaan Malaysia

mySPATA

Sistem Pengurusan Aset Tak Alih Kerajaan



UNIT PENGURUSAN ASET & STOR (UPAS)

1. OBJEKTIF UNIT PENGURUSAN ASET DAN STOR [UPAS]

Melaksana dan memantapkan sistem pengurusan aset dan stor utama sedia ada mengikut tatacara yang telah ditetapkan.

2. TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB UNIT PENGURUSAN ASET DAN STOR [UPAS]

- A. Menguruskan semua aset alih Kerajaan di Kementerian/Jabatan di bawah kawalannya meliputi:-
- (a) Penerimaan;
 - (b) Pendaftaran;
 - (c) Penggunaan, Penyimpanan dan Pemeriksaan;
 - (d) Penyelenggaraan;
 - (e) Pelupusan; dan
 - (f) Kehilangan dan Hapuskira.
- B. Menguruskan perlantikan Pegawai Pemeriksa, Lembaga Pemeriksa dan Jawatankuasa Penyiasat.
- C. Menjadi Urus Setia kepada Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan (JKPAK) Kementerian/Jabatan.
- D. Menguruskan pelupusan aset alih Kerajaan.
- E. Menguruskan kehilangan dan hapus kira
- F. Menyelaraskan penyediaan Laporan berikut:-
- Harta Modal dan Inventori serta Stor Utama;
 - Pemeriksaan Harta Modal dan Inventori;
 - Pelupusan Aset Alih Kerajaan;
 - Kadar Pusingan Stok [KPS] Stor Utama;
 - Pemberian Hadiah; dan
 - Tindakan Surcaj/Tatatertib.

3. JAWATANKUASA PENGURUSAN ASET ALIH KERAJAAN

Keanggotaan JKPAK di Hospital Sungai Siput adalah seperti berikut:

Pengerusi : Pengarah Hospital


Setiausaha : Pegawai Aset

Ahli : Semua Ketua Unit

Pembantu Tadbir (P/O) Gred N19 yang menjaga Aset Kerajaan

Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan

Hospital Sungai Siput



4. AKTIVITI YANG DIJALANKAN OLEH UNIT PENGURUSAN ASET

Bagi tempoh operasi tahun 2017 satu takwim rasmi bagi aktiviti pelaksanaan Unit Pengurusan Aset dan Stor telah dibentang dan diperakukan oleh Ketua Jabatan.

Bil	Aktiviti	Pencapaian
1.	Pelupusan Aset Alih Kerajaan	Telah dilaksanakan secara berperingkat seperti berikut; ➤ 16.2.2017 ➤ 4.5.2017 ➤ 10.8.2017 ➤ 23.11.2017 Urusan ini dibantu oleh pihak Edgenta Medi Serve Sdn. Bhd. dan di bawah pengetahuan Penolong Jurutera Hospital Sungai Siput.
2.	Pelupusan Ubat-Ubatan Psikotropik	✓ Permohonan rasmi ke Bahagian Perkhidmatan Farmasi JKN Perak pada November 2017 untuk mendapatkan kebenaran Cawangan Penguatkuasa Farmasi bagi tujuan pelupusan ubatan psikotropik.
3.	Pelupusan Kenderaan / Ambulan	Sebanyak 3 kenderaan Hospital Sungai Siput yang telah diluluskan pelupusannya oleh JKN Perak seperti berikut; ✓ Van Mayat WDB 206 – Secara Hadiah kepada Khairat Kematian Jalan Baru Kuala Kangsar ✓ Land Rove WDK 6842 - Secara Sebutharga kepada En. Abdul Razak ✓ Van Jenazah WDB 128 – Secara Hadiah kepada Pertubuhan India Muslim Tambun, Ipoh ✓ Ambulan WLD 8425 – Secara Sebutharga Terbuka
4.	Pemeriksaan Stor Utama Hospital Sungai Siput	Dilaksanakan pada 1 November hingga 15 Disember 2017. Arahan pelaksanaan telah dikeluarkan kepada Pemeriksa yang dilantik.
5.	Verifikasi Stor Utama Hospital Sungai Siput	Dilaksanakan pada 16 hingga 31 Disember 2017. Arahan pelaksanaan telah dikeluarkan kepada pemverifikasi yang dilantik.

**5. LAPORAN KEDUDUKAN SEMASA ASET ALIH KERAJAAN SEHINGGA 31
DISEMBER 2017**

TAHUN SEMASA	A = B + C		B		C	
	KEDUDUKAN HARTA MODAL		PEROLEHAN / PENDAFTARAN HM BARU		PENDAFTARAN HM LAMA	
	Kuantiti	Nilai Perolehan Asal (RM)	Kuantiti	NPA (RM)	Kuantiti	NPA (RM)
Baki Dibawa ke hadapan (sehingga 31.12.2016)	960	8,847,666.19				
Suku Tahun Pertama	960	8,847,666.19	0	0	0	0
Suku Tahun Kedua	960	8,847,666.19	0	0	0	0
Suku Tahun Ketiga	960	8,847,666.19	0	0	0	0
Suku Tahun Keempat	962	8,855,566.19	2	7,900	0	0
Jumlah Besar Tahun Semasa	3,842	35,398,565	2	7,900	0	0
Jumlah Keseluruhan	4,802	44,246,231	2	7,900	0	0

**6. LAPORAN KEDUDUKAN SEMASA ASET BERNILAI RENDAH SEHINGGA 31
DISEMBER 2017**

TAHUN SEMASA	A = B + C		B		C	
	KEDUDUKAN ASET ALIH BERNILAI RENDAH		PEROLEHAN / PENDAFTARAN ABR BARU		PENDAFTARAN ABR LAMA	
	Kuantiti	Nilai Perolehan Asal (RM)	Kuantiti	NPA (RM)	Kuantiti	NPA (RM)
Baki Dibawa ke hadapan (sehingga 31.12.2016)	2,598	966,318.38				
Suku Tahun Pertama	2,598	966,318.38	6	1,658.00		
Suku Tahun Kedua	2,604	967,976.38	9	4,420.00		
Suku Tahun Ketiga	2,613	972,396.38	3	1,430.00		
Suku Tahun Keempat	2,616	973,826.38	17	6,984.00		
Jumlah Besar Tahun Semasa	10,431	3,880,517.52	35	14,492.00	0	0
Jumlah Keseluruhan	13,029	4,846,835.90	35	14,492.00	0	0

**7. LAPORAN KADAR PUSINGAN STOK TAHUNAN STOR-STOR UTAMA
SEHINGGA 31 DISEMBER 2017**

Kedudukan Stok	NILAI STOK (RM)			
	Perubatan	Makmal	Sajian	Alat Tulis
Sedia Ada / Stok Awal (pada 30 September 2017)	610,803.13	25,164.30	14,087.45	18,313.83
Pembelian / Penerimaan (sehingga Julai – September 2017)	668,560.17	49,105.50	104,966.10	18,255.50
Pengeluaran / Penggunaan (Sehingga Julai – September 2017)	1,045,218.70	63,168.00	79,457.15	15,466.66
Stok Semasa (Sehingga Julai – September 2017)	234,144.60	11,101.80	39,596.40	21,102.67
Kadar Pusingan Stok	2.47	3.48	2.96	0.78

8. SISTEM PENGURUSAN ASET [SPA]



Sistem Pengurusan Aset [SPA] ini merupakan sistem yang dibangunkan oleh Perbendaharaan Malaysia bagi tujuan memantau dan mengawal perbelanjaan peruntukan aset alih kerajaan setiap agensi kerajaan di Malaysia. Diakses sepenuhnya oleh Pegawai Aset juga Unit Pengurusan Aset yang diberi kuasa untuk mengunci masuk maklumat dokumentasi aset serta pengesahan mengenai butiran tersebut.

Sasaran Unit Pengurusan Aset dan Stor Jabatan Kesihatan Negeri Perak dan KKM adalah peningkatan peratusan modul pemeriksaan, pelupusan dan hapuskira dalam sistem.

Hospital Sungai Siput telah menggunakan modul pemeriksaan namun masih dalam percubaan.

9. KESIMPULAN

Bagi tahun 2018 penggunaan Sistem 1gfm as oleh Unit Kewangan akan digunakan bagi merealisasikan Sistem Perakaunan Akruan. Walau bagaimanapun Unit Aset dan Stor Hospital Sungai Siput masih lagi dalam peringkat awal menggunakan sistem tersebut. Diharap semua urusan berkaitan dapat diselesaikan dengan baik.

Disediakan Oleh :

*Noorhawa Binti Mohd Suhaimi,
Penolong Pegawai Tadbir N29,
Unit Pengurusan,
Hospital Sungai Siput.*